

Jenis Akhbar : Kosmo Ahad

Tarikh : 04/08/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional / 8

Tajuk : Tabung Infaq ANGKASA salur dana RM5.1 juta

## Tabung infaq Angkasa salur dana RM5.1 juta

**NILAI** - Sebanyak RM5.1 juta dana daripada Tabung Infaq Lil-Waqf Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) telah disalurkan kepada golongan kurang berkemampuan sehingga tahun lalu.

Timbalan Presiden Angkasa, Datuk Kamarudin Ismail berkata, sumbangan sejak 2014 itu termasuk kepada golongan kurang upaya (OKU) bertujuan membantu meringankan beban mereka.

"Dana yang disalurkan ini termasuk hasil infaq oleh Angkasa sendiri, anggota koperasi, pelanggan melalui



**KAMARUDIN** (kanan) beramah mesra dengan tenaga pengajar dan kanak-kanak istimewa di Akademik Faqeh di Nilai semalam.

potongan gaji, agensi korporat dan individu.

"Kami agihkan dana ini kepada pelbagai saluran seperti pusat perlindungan, pusat pen-

jagaan, perkhidmatan kesihatan dialisis, pusat perniagaan koperasi, institusi pendidikan serta pembelian bangunan untuk diwaqafkan," ka-

tanya pada sidang akhbar Majlis Perasmian Laman Agro Coop Care Angkasa-Faqeh Jom Tanam Sejuta Pokok di sini semalam.

Sementara itu, Kamarudin memberitahu, projek Laman Agro Coop Care Angkasa-Faqeh memberi peluang kepada kanak-kanak istimewa di Akademi Faqeh menanam sayur-sayuran organik di samping mempelajari teknik asas perniagaan.

Akademi Faqeh merupakan pusat pengajian al-Quran untuk kanak-kanak OKU pelbagai kategori termasuk autisme, sindrom down, disleksia, lembam dan pekak.